



LAKARAN gambar gajah purba Stegodon yang telah lama pupus di dunia ini.

Kosmo

(10/10/2020)

ms 08

Saintis UM jumpa gigi Stegodon di Gopeng, Perak

# Fosil gajah purba ditemui di Malaysia

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

**KUALA LUMPUR** – Sekumpulan saintis Universiti Malaya (UM) berjaya menemui fosil gajah purba Stegodon pertama di Malaysia yang dianggarkan berusia sekitar 30,000 hingga 80,000 tahun di sebuah gua batu kapur di Gopeng, Perak.


Fosil itu ditemui pada 26 Julai lalu dan berjaya dikeluarkan dari gua tersebut pada 15 Ogos lalu oleh pasukan penyelidik yang diketuai oleh saintis daripada Jabatan Geologi, Fakulti Sains UM, Dr. Ros Fatimah Muhammad.

Turut sama dalam penyelidikan itu ialah Ahli Paleontologi Vertebrat dan Zooarkeologi, Persatuan Paleontologi Malaysia, Lim Tze Tshen.

Ros Fatimah berkata, penemuan fosil berkenaan adalah hasil maklumat daripada kumpulan peneroka gua, Kinta Valley Watch serta tinjauan dan kajian yang dijalankan pihaknya.

Menurutnya, penemuan itu amat penting dalam kajian berkaitan sejarah migrasi haiwan kuno dan juga perubahan alam sekitar di rantau Asia Tenggara.

"Kajian setakat ini menunjukkan fosil tinggalan haiwan tersebut tidak ada kaitan dengan manusia purba. Stegodon merupakan salah satu genus Probos-



GIGI gajah purba Stegodon ditemui pasukan saintis UM di sebuah gua batu kapur di Gopeng, Perak pada 26 Julai lalu.

cidea daripada keluarga Stegodontidae yang telah lama pupus.

"Gajah purba ini berbeza dengan gajah moden Asia (*Elephas maximus*) yang masih wujud di Malaysia dari segi morfologi, ekologi dan taksonomi," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Ros Fatimah memberitahu, proses pengimejan yang dilakukan oleh dua orang pakar gigi daripada Fakulti Pergigian UM mendapati, fosil tersebut berkemungkinan merupakan Stegodon yang berusia kurang dua tahun.

Justeru, pihaknya berharap kawasan penemuan itu diwartakan oleh kerajaan negeri supaya

dilindungi daripada pencerobohan dan boleh dicadangkan sebagai satu geotapak baharu di Geopark Lembah Kinta.

"Di samping melindungi haiwan yang masih hidup, terdapat bukti dari lokasi penemuan Stegodon dan tapak paleontologi lain yang menunjukkan tinggalan haiwan yang telah pupus, pernah wujud di Semenanjung Malaysia.

"Antara yang ditemui seperti spesies orang utan, badak sumbu Sumatera, badak raya Jawa, beruang hitam Asia serta satu spesies tikus kuno yang sudah lama pupus di seluruh dunia," ujarnya.